Meiden Electric Engineering Sdn Bhd lwn Mtrans Holdings Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S2–22–1084 TAHUN 2005
WAN ADNAN BIN MUHAMAD J
17 JULY 2006

Syarikat dan Perbadanan — Penggulungan — 'Undue preference' — Perjanjian jaminan koporat — Prosiding petisyen penggulungan terhadap syarikat — Sama ada penjamin harus membayar pinjaman — Sama ada peruntukan s 293 Akta Syarikat 1965 dan s 53 Akta Kebankrapan 1967 terpakai kepada fakta kes

Defendan memfailkan satu notis rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang telah membenarkan permohonan plaintif melalui untuk suatu perintah penghakiman terus dan muktamad terhadap defendan. Plaintif membuat tuntutan terhadap defendan untuk suatu bayaran berjumlah RM3,905,473.42 dan RM338,015.00 bagi memenuhi jaminan-jaminan hutang korporat oleh defendan kepada plaintif bersabit dengan perjanjian penyelesaian diantara plaintif dengan Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd (MMT) dan Pembinaan Unik Jati Sdn Bhd (PUJ). Plaintif juga telah mengambil tindakan melalui prosiding petisyen penggulungan terhadap MMT dan PUJ. Sementara itu PUJ telah pun digulung melalui petisyen yang dibuat oleh pihak lain manakala MMT tidak memasuki sebarang notis menentang petisyen penggulungan plaintif. Dalam pembelaan defendan mendakwa tidak ada pengetahuan tentang perkara tersebut dan juga tuntutan yang dibuat oleh plaintif adalah pramasa kerana masa bukan intipati dalam peruntukan perjanjian tersebut. Defendan juga mendakwa tuntutan terhadap hutang oleh PUJ terbatal dan tidak sah oleh kerana bercanggah dengan peruntukan s 293 Akta Syarikat 1965 dan s 53 Akta Kebankrapan 1967.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Di dalam kes ini defendan tidak dapat menafikan mengenai janjinya dalam terma-terma perjanjian jaminan koporat. Dalam kes *Maplelee Property Sdn Bhd v Tan Lei Fon* [2005] 3 MLJ 305 mahkamah rayuan memutuskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pengerenti untuk membayar hutang jika peminjam gagal membayar pinjaman. Penafian defendan mengenai penerimaan notis tuntutan tidak bermerit. Walaupun cop pengakuan penerimaan merujuk kepada KL Monorail System Sdn Bhd dan bukannya syarikat defendan tetapi berdasarkan carian rasmi dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, ia menunjukkan bahawa KL Monorail System Sdn Bhd dan syarikat defendan berkongsi pejabat dan mempunyai alamat yang sama (lihat perenggan 11 & 13).

(2) Peruntukan s 293 Akta Syarikat 1965 dan s 53 Akta Kebankrapan 1967 tidak terpakai kepada fakta kes ini. Oleh itu isu 'undue preference' tidak berbangkit. Seksyen-seksyen berkenaan hanya terpakai kepada likuidator sahaja. Peruntukan s 53(1) Akta Kebankrapan yang dibaca bersama s 293 Akta Syarikat jelas menyebut 'as against the Official Assignee'. Ia selaras dengan tanggungjawab likuidator bagi mengurus proses penggulungan syarikat (lihat *Sime Diamond Leasing (M) Sdn Bhd v JB Precision Moulding Industries Sdn Bhd (In Liquidation)* [1998] 4 MLJ 569). Defendan bukan likuidator oleh itu peruntukan-peruntukan Akta Syarikat dan Akta Kebankrapan berkenaan tidak melindungi defendan (lihat perenggan 15 & 16).

(3) Defendan juga memberi jaminan korporat tanpa syarat. Apabila MMT dan PUJ gagal membayar hutang plaintif berhak menuntut bayaran hutang MMT dan PUJ. Dari segi prinsip undang-undang yang mantap tanggungjawab penjamin ialah untuk membayar pinjaman jika peminjam gagal membuat bayaran. Petisyen penggulungan MMT dan PUJ adalah suatu bukti jelas kegagalan MMT dan PUJ memenuhi tuntutan hutang. Bila MMT dan PUJ digulung ia adalah suatu manifestasi nyata syarikat berkenaan tidak cair (insolvent) dan tidak mampu membayar hutang (lihat perenggan 17).

[Bahasa Malaysia summary

The defendant filed a notice of appeal to the judge in chambers against the decision of the Assistant Registrar who allowed the plaintiff's application for an order for summary judgment against the defendant. The plaintiff's claim against the defendant for the sum of RM3,905,473.42 and RM338,015.00 for a corporate guarantee given by the defendant to the plaintiff pursuant to a settlement agreement between the plaintiff and Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd (MMT) and Pembinaan Unik Jati Sdn Bhd (PUJ). The plaintiff also commenced a winding-up petition against MMT and PUJ. However PUJ had already been wound up vide a petition by another party while MMT did not enter any notice opposing the petition for winding up by the plaintiff. The defendant's defence alleged that they have no knowledge of the whole matter as the claim made by the plaintiff was premature and time was not of essence in the provisions of the said agreement. The defendant also alleged that the claim against the loan by PUJ is void and not valid as it contravenes the provisions of s 293 of the Companies Act 1965 and s 53 of the Bankruptcy Act 1967.

Held, dismissing the appeal:

(1) In this case, the defendant could not deny the terms in the corporate guarantee agreement. In the case of *Maplelee Property Sdn Bhd v Tan Lei Fon* [2005] 3 MLJ 305, the court of appeal held that it is the responsibility of the guarantor to pay the loan if the borrower defaulted on the loan. The defendant's denial of having received the notice of demand is without merit. Eventhough the acknowledge receipt stamped referred to KL Monorail System Sdn Bhd and now the defendant's company, but based on an official search with the Companies Commission of Malaysia, it showed that the KL Monorail System Sdn Bhd and the defendant's company shared the same office and has the same address (see para 11& 13).

(2) The provisions of s 293 Companies Act 1965 and s 53 Bankruptcy Act 1967 are not applicable to the facts of this case. Hence the issue 'under preference' never arises. The said sections are only applicable to the liquidator. The provision of s 53(1) Bankruptcy Act read with s 293 Companies Act clearly state 'as against the official Assignee'. It is in line with the responsibility of the liquidator to manage the process of winding up of a company. (see *Sime Diamond Leasing (M) Sdn Bhd v JB Precision Moulding Industries Sdn Bhd (In Liquidation)* [1998] 4 MLJ 569). The defendant here is not the liquidator and hence the provisions in the Companies Act and the Bankruptcy Act do not protect the defendant (see para 15 & 16).

(3) The defendant also gave a corporate guarantee without restrictions. When MMT and PUJ defaulted in their loan repayment the plaintiff had the right to demand for the loan from MMT and PUJ. It is a well established principle of law that the guarantor's responsibility is to pay the loan in the event of default by the borrower. The winding up petition of MMT and PUJ is clear proof that MMT and PUJ failed to meet the loan demand. When MMT and PUJ were wound up, it was manifestly clear that the company concerned was insolvent and unable to pay its debts (see para 17).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai 'undue preference', lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1354.

Kes-kes yang dirujuk

Amalgamated Mills Bhd v Ingeback (M) Sdn Bhd [1990] 2 MLJ 374 (dirujuk)
Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail & Ors [1992] 1 MLJ 400 (dirujuk)
Banque Nasional De Paris v Wuan Swee May & Anor [2000] 3 MLJ 587 (dirujuk)
Government of Malaysia v Gurcharan Singh & Ors [1971] 1 MLJ 211 (dirujuk)
Maplelee Property Sdn. Bhd. v Tan Lei Fon [2005] 3 MLJ 305 (dirujuk)
Nadefinco Ltd v Kevin Corporation Sdn Bhd [1978] 2 MLJ 59 (dirujuk)
National Company For Foreign Trade v Kayu Raya Sdn. Bhd [1984] 2 MLJ 300 (dirujuk)
Sime Diamond Leasing (M) Sdn Bhd v J B Precision Moulding Industries Sdn Bhd (In Liquidation) [1998] 4 MLJ 569 (diikut)
Theresa Chong v Kin Khoon & Co [1976] 2 MLJ 253 (dirujuk)
Y.A.M. Tunku Kamariah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar v YB Dato James Ling Beng King [1989] 2 MLJ 249 (dirujuk)
YK Fung Securities Sdn. Bhd v James Capel (Far East) Ltd [1997] 2 MLJ 621 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kebankrapan 1967 s 53
Akta Kontrak 1950 ss 24, 26
Akta Syarikat 1965 s 293
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1989 A 14

(Cheow Wee & Ong) for the plaintif.
(HL Lee & Co) for the defendant.

Wan Adnan Muhamad H:

[1] Kandungan 15 ialah suatu notis rayuan oleh defendan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang telah membenarkan permohonan plaintif melalui suatu saman dalam lamar (Lampiran 6) untuk suatu perintah penghakiman terus dan muktamad terhadap defendan.

[2] Plaintif membuat tuntutan terhadap defendan untuk suatu bayaran berjumlah RM3,905,473.42 dan RM338,015.00 bagi memenuhi jaminan-jaminan hutang korporat oleh defendan kepada plaintif bersabit dengan perjanjian penyelesaian diantara plaintif dengan Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd (MMT) dan Pembinaan Unik Jati Sdn Bhd (PUJ).

[3] Latar belakang kes ini boleh didapati secara terperinci daripada afidavit-afidavit pihak plaintif dan pihak defendan. Walau bagaimanapun untuk mendapat gambaran sepintas lalu saya kemukakan intipati tuntutan plaintif dan pembelaan defendan seperti berikut:

[4] Plaintif telah membekal barangan kepada MMT bernilai RM3,905,473.42 dan kepada PUJ bernilai RM338,015.00 untuk kegunaan pembinaan projek Sistem Aliran Ringan Monorail. MMT dan PUJ gagal membayar hutang tertunggak kepada plaintif. Sebagai penyelesaian plaintif dan MMT serta PUJ memasuki perjanjian penyelesaian (sila lihat eks KK-1 dan KK-2 lampiran 5).

[5] Sehubungan dengan itu defendan telah memasukki perjanjian dengan plaintif memberi jaminan korporat tidak bersyarat. Mengikut perjanjian tersebut (sila lihat eks KK-3 lampiran 5) defendan akan membayar segala hutang MMT dan PUJ yang terakru jika MMT dan PUJ gagal membayar hutang-hutang mereka.

[6] MMT dan PUJ gagal membuat bayaran. Plaintif mengambil tindakan melalui prosiding petisyen penggulungan terhadap MMT dan PUJ.

[7] Sementara itu PUJ telah pun digulung melalui petisyen yang dibuat oleh pihak lain manakala MMT tidak memasuki sebarang notis menentang petisyen penggulungan plaintif.

[8] Oleh kerana MMT dan PUJ gagal memenuhi terma perjanjian penyelesaian (eks KK-1 dan KK-2), justeru itu plaintif menuntut terhadap defendan seperti dipersetujui oleh defendan dan plaintif melalui perjanjian jaminan korporat (eks KK-3).

[9] Dalam pembelaan defendan mendakwa tidak ada pengetahuan tentang perkara tersebut dan juga tuntutan yang dibuat oleh plaintif adalah pramasa kerana masa bukan intipati dalam peruntukan perjanjian tersebut. Defendan juga mendakwa tuntutan terhadap hutang oleh PUJ terbatal dan tidak sah kerana syarikat tersebut

telah digulungkan pada 12 Ogos 2005 melalui kes nombor D7–28–409–2005 (sila lihat affidavit jawapan defendan di lampiran 7).

[10] Sepertimana kita sedia maklum prinsip undang-undang mengenai permohonan di bawah prosiding peruntukan A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1989 (KMT) sudah utuh. Apa yang diperlukan ialah keupayaan pihak plaintif membuktikan suatu kes prima facie terhadap defendan. Manakala pihak defendan hendaklah menunjukkan terdapat isu yang perlu dibicarakan. Saya berpegang kepada prinsip-prinsip yang dibentang dalam kes-kes besar yang mana prinsip tersebut tidak dipersoalkan lagi keesahannya (sila lihat *Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail & Ors* [1992] 1 MLJ 400; *National Company For Foreign Trade v Kayu Raya Sdn Bhd* [1984] 2 MLJ 300

[11] Didalam kes ini defendan tidak dapat menafikan mengenai janjinya dalam terma-terma Perjanjian Jaminan Koporat. Dalam kes *Maplelee Property Sdn Bhd v Tan Lei Fon* [2005] 3 MLJ 305, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pengerenti untuk membayar hutang jika peminjam gagal membayar pinjaman.

[12] Daripada dokumen-dokumen semasa seperti eks KK-1, KK-2 lampiran 5 ada dinyatakan pembayaran pinjaman adalah berdasarkan jadual pembayaran seperti dilampirkan kepada perjanjian-perjanjian tersebut.

[13] Notis tuntutan plaintif telahpun dihantar kepada defendan seperti dibuktikan oleh eks KK-8 affidavit balasan plaintif (lampiran 8). Saya menerima hujah bertulis peguam plaintif bahawa penafian defendan mengenai penerimaan notis tuntutan tidak bermerit. Mengikut hujahan peguam defendan cop pengakuan penerimaan merujuk kepada KL Monorail System Sdn Bhd dan bukannya syarikat defendan. Peguam plaintif menolak hujah tersebut kerana berdasarkan carian rasmi dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (sila lihat eks KK-9 lampiran 8) menunjukkan bahawa KL Monorail System Sdn Bhd dan syarikat defendan berkongsi pejabat dan mempunyai alamat yang sama. Apa yang dikatakan oleh peguam plaintif tidak meleset kerana dalam hujah bertulis peguam defendan sendiri menyatakan defendan memiliki KL Monorail iaitu syarikat yang mengendalikan monorail.

[14] Peguam defendan selanjutnya menghujahkan bahawa perjanjian-perjanjian adalah tidak sah oleh kerana bercanggah dengan peruntukan s 293 Akta Syarikat 1965 dan s 53 Akta Kebankrapan 1967. Peguam defendan mendakwa wujud perbuatan memberi keutamaan (undue preference) dalam tempoh enam bulan sebelum petisyen penggulungan difailkan. Beliau menyatakan ekoran daripada perlakuan plaintif tersebut terjadi ketidaksahan perjanjian-perjanjian diantara plaintif dengan MMT dan PUJ, justeru itu perjanjian antara plaintif dan defendan juga tidak sah. Otoriti-otoriti sandaran peguam defendan ialah kes *Government of Malaysia v Gurcharan Singh & Ors* [1971] 1 MLJ 211, s 24 dan s 26 Akta Kontrak 1950, *Amalgamated Mills Bhd v Ingeback (M) Sdn Bhd* [1990] 2 MLJ 374; *Y.A.M. Tunku Kamariah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar v YB Dato James Ling Beng King* [1989] 2 MLJ 249.

[15] Pada pendapat saya peruntukan s 293 dan Akta Syarikat 1965 dan s 53 Akta Kebangkrapan 1967 tidak terpakai kepada fakta kes ini. Oleh itu isu 'undue preference' tidak berbangkit. Seksyen-seksyen berkenaan hanya terpakai kepada likuidator sahaja. Peruntukan s 53(1) Akta Kebankrapan yang dibaca bersama s 293 Akta Syarikat jelas menyebut 'as against the Official Assignee'. Ia selaras dengan tanggungjawab likuidator bagi mengurus proses penggulungan syarikat. Dalam kes *Sime Diamond Leasing (M) Sdn Bhd v JB Precision Moulding Industries Sdn Bhd (In Liquidation)* [1998] 4 MLJ 569 di halaman 578 dan 579 Edgar Joseph HMP menegaskan seperti berikut (dalam bahasa asal):

> We must now turn to consider s 293 of the Companies Act. The law relating to fraudulent preferences is set out in s 53 of the Bankruptcy Act which is made applicable to companies by s 293 of the Companies Act and is designed to preserve the sanctity of the pari passu principle by which creditors in a winding up share rateably in the assets available for distribution …
>
> To take the matter further, it is clear law that the court has no power to make an order setting aside payments and transfer made in the run up to bankruptcy in favour of a particular creditor which were designed to prefer him over other creditors unless the following five conditions are satisfied …
>
> The onus was of course upon the liquidator to satisfy all the five requirements aforesaid.
>
> … The principle of central importance underlying s 293(1) of the Act is that where a debtor company, has at a relevant time, given a preference to any person, the liquidator may apply to the Court for an order under the section setting aside the preference.

[16] Defendan bukan likuidator oleh itu peruntukan-peruntukan Akta Syarikat dan Akta Kebankrapan berkenaan tidak melindungi defendan *Sime Diamond Leasing (M) Sdn Bhd v JB Precision Moulding Indusries Sdn Bhd (In Liquidation).*

[17] Defendan juga memberi jaminan korporat tanpa syarat. Apabila MMT dan PUJ gagal membayar hutang plaintif berhak menuntut bayaran hutang MMT dan PUJ. Dari segi prinsip undang-undang yang mantap tanggungjawab penjamin ialah untuk membayar pinjaman jika peminjam gagal membuat bayaran (*Maplelee Property Sdn Bhd v Tan Lee Fon*). Petisyen penggulungan MMT dan PUJ adalah suatu bukti jelas kegagalan MMT dan PUJ memenuhi tuntutan hutang. Bila MMT dan PUJ digulung ia adalah suatu manifestasi nyata syarikat berkenaan tidak cair (insolvent) dan tidak mampu membayar hutang. Saranan pihak defendan bahawa tuntutan plaintif adalah pramasa tidak berasas kerana MMT dan PUJ gagal membuat bayaran mengikut jadual seperti dalam perjanjian. Dengan kegagalan MMT dan PUJ hak plaintif bermula untuk membuat tuntutan terhadap defendan (sila lihat kes *Nadefinco Ltd v Kevin Corporation Sdn Bhd* [1978] 2 MLJ 59.

[18] Defendan adalah terikat dengan kl 1 dan 2 jaminan korporat (sila lihat perenggan 7 dan eks KK-3 lampiran 5) yang berbunyi seperti berikut (dalam bahasa asal):

> guarantee the due payment to MEE of all the sums of money which is now or shall at any time become due and owing or remain due and owing and payable to MEE by MMT under the terms and conditions of the Settlement Agreement or any variation or extension thereof

A and agree to pay to MEE on demand all money which now are or shall at any time be owing or remain due and unpaid by MMT to MME and

agree that this Guarantee shall not be revoked or satisfied by any intermediate payment of any part of the sum owing but shall be a continuing guarantee and shall not be determined of affected in any way whatsoever but shall in all respects and for all purposes be binding and operative upon the Guarantor and shall extend to cover any sum or sums of money which shall from time to time be due from MMT to MEE until full payment of all the monies due and owing by MMT to MEE and shall only be discharged by the performance thereof;

[19] Peruntukan perjanjian tersebut jelas maksudnya. Saya berpuashati plaintif telah membuktikan bahawa hutang defendan kepada plaintif terakru bila MMT dan PUJ gagal membuat bayaran seperti dalam perjanjian (eks KK-1 & KK-2).gfg

[20] Saya ingin menarik perhatian kepada persoalan polisi kepentingan awam yang dibangkitkan oleh peguam defendan. Kononnya polisi kepentingan awam melindungi defendan dari diberi penghakiman terus kerana ia adalah suatu isu yang perlu dibicarakan. Beliau menyatakan defendan adalah syarikat yang mengendalikan system pengangkutan monorail. Pada hemat ia adalah suatu alasan yang rapuh dan hambar. Ia seumpama menangguk di air keroh. Saya tidak nampak atas peruntukan apa defendan dikebalkan sehingga plaintif tidak boleh mendapat penghakiman terus. Jika betullah saranan beliau sudah tentu tiada siapa boleh membuat tuntutan terhadap defendan atas prinsip kepentingan awam. Sehubungan dengan itu isu yang dibangkitkan adalah tidak mempunyai merit. Ini adalah tuntutan atas hutang yang terakru ekoran daripada bekalan barangan pembinaan bagi kepentingan MMT dan PUJ. Manakala plaintif menuntut terhadap defendan atas jaminan korporat untuk membayar hutang MMT dan PUJ. Jika dibuat analoji saranan peguam defendan atas isu ini, sudah tentu kesemua syarikat yang mengendalikan pengangkutan awam seperti Malaysia Airlines System (MAS), Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan lain-lain syarikat kenderaan pengangkutan awam mempunyai kekebalan daripada tindakan tuntutan sivil. Daripada kes-kes yang dilaporkan, setakat yang saya tahu, syarikat-syarikat tersebut tidak mempunyai kekebalan atas dasar kepentingan awam. Dalam kes *Theresa Chong v Kin Khoon & Co* [1976] 2 MLJ 253. Mahkamah Persekutuan telah memaparkan prinsip-prinsip polisi kepentingan awam untuk dimanfaatkan bersama saya petik apa yang dikatakan oleh Gill HBM di halaman 255 seperti berikut (dalam bahasa asal):

On the question of what is contrary to public policy, counsel for the appellant cited to us a number of English cases. I do not consider it necessary to deal with them, because in my judgment they do not help the appellant as would appear from the following passage from the judgment of Asquith LJ in *Monkland v Jack Barclay Limited)*[3]

Certain specific classes of contracts have been ruled by authority to be contrary to the policy of the government, whatever its complexion — for example, marriage brokerage contracts, contracts for the sale of honours, contracts in unreasonable restraint of trade and so on. The courts have again and again said that, where a contract does not fit into one or other of these pigeon holes, but lies outside this charmed circle, the courts should use extreme reserve in holding such a contract to be void as against public policy, and should only do so when the contract is incontestably and on any view inimical to the public interest: see, for example, the language of the House of Lords in *Fender v St John- Mildmay*[4].

[21] The more recent cases of *Nagle v Feilden* [5] and *Esso Petroleum Co Ltd V Harper's Garage (Stourport) Ltd*[6] do not carry the matter any further, even though Danckwert LJ said in the former case that the law relating to public policy cannot remain immutable and must change with the passage of time.

Cheshire and Fifoot's Law of Contract (8th Ed) states at p 322 that the following two observations must be added upon the doctrine of public policy in the current law:

> First although the rules already established by precedent must be moulded to fit the new conditions of changing world, it is no longer legitimate for the courts to invent a new head of public policy. A judge is not free to speculate Upon what, in his opinion, is for the good of the community. He must be content to apply, either directly or by way of analogy, the principles laid down previous decisions. He must expound, not expand, this particular branch of law.
>
> Secondly, even though the contract is one which *prima facie* falls under one of the recognized heads of public policy, it will not be held illegal unless its harmful qualities are indisputable. The doctrine, as Lord Atkin remarked in a leading case, should only be invoked in clear cases in which the harm to the public is substantially, incontestable, and does not depend upon the idiosyncratic inferences of a few judicial minds … In popular language … the contract should be given the benefit of the doubt.

[22] Counsel for the appellant also referred us to s 24 of the Contracts Act 1950 which provides as follows:

> The consideration or object of an agreement is lawful, unless —
>
> (a) it is forbidden by a law;
>
> (b) it is of such a nature that, if permitted, it would defeat any law;
>
> (c) it is fraudulent;
>
> (d) it involves of implies injury to the person of property of another; or
>
> (e) the court regards it as immoral, or opposed to public policy.

[23] In each of the above cases, the consideration or object of an agreement is said to be unlawful. Every agreement of which the object or consideration is unlawful is void.

[24] It is to be observed that s 24 deals with such consideration and objects of a contract as are unlawful and therefore illegal. This section is *in pari material* with s 23 of the Indian Contract Act. *Pollock and Mulla* on the Indian Contract Act (8th Ed) in its commentary on s 23 under the heading 'opposed to Public Policy' says this:

> The general head of public policy covers, in English law, a wide range of topics. Agreement may offend against public policy by tending to the perversion of abuse of municipal justice (stifling prosecutions, champerty and maintenance) or, in private life, by attempting to impose inconvenient and unreasonable restrictions on the free choice of individuals in marriage, or their liberty to exercise any lawful trade or calling … It is now understood that the doctrine of public policy will not be extended beyond the classes of cases already covered by it. No court can invent a new head of public policy.

A **[25]** Dalam kes-kes *YK Fung Securities Sdn Bhd v James Capel (Far East) Ltd* [1997] 2 MLJ 621 dan *Banque Nasional De Paris v Wuan Swee May & Anor* [2000] 3 MLJ 587 ada menyentuh prinsip-prinsip polisi awam. Ia berkisar mengenai peruntukan akta-akta tertentu. Dalam kes bicara, fakta kes tidak langsung membabitkan apa-apa peruntukan statut malah langsung tidak tergulung dalam situasi-situasi seperti **B** diperuntukkan dalam peruntukan s 24 Akta Kontrak 1950.

[26] Akhir sekali ialah mengenai dakwaan pihak defendan bahawa tuntutan plaintif adalah pramasa kerana masa bukan intipati perjanjian. Pada pendapat saya ia adalah dalih semata-mata. Perjanjian eks KK-1 & KK-2 jelas menentukan jadual tarikh pembayaran. Defendan gagal menunjukkan bukti disebaliknya tetapi sekadar **C** dakwaan kosong.

[27] Selepas diteliti segala keterangan afidavit-afidavit plaintif dan defendan dan dibantu oleh hujah bertulis kedua-dua pihak, saya mendapati plaintif telah membuktikan tuntutan mereka bermerit manakala defendan pula sekadar **D** membangkit isu-isu yang pada hemat saya, bukan isu-isu yang perlu dibicarakan. Justeru itu saya menolak rayuan defendan di lampiran 15 dengan kos.

Rayuan defendan di lampiran 15 ditolak dengan kos.

E

Reported by Sally Kee

F

G

H

I